

IPU 500 isyarat darurat

Kabinet dijangka bincang isu jerebu tentukan tindakan wajar diambil

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jerebu yang melanda negara semakin buruk semalam apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa negeri melangkaui paras berbahaya melebihi 300, paling teruk adalah Sri Aman, Sarawak yang menghampiri paras darurat bencana.

Berikutan itu, Kabinet dijangka membincangkan isu berkenaan hari ini bagi menentukan tindakan yang wajar diambil, malah kerajaan juga tidak akan teragak-agak mengisytiharkan darurat bencana sekiranya IPU melebihi tahap 500.

Setakat jam 8 malam tadi, daerah Sri Aman mencatatkan ba-

caan IPU tertinggi pada paras 395, berbanding 201 menerusi bacaan pada jam 9 malam kelmarin. Bacaan IPU di kawasan itu mula melebihi paras 300 pada jam 3 pagi semalam.

Darurat bencana akibat jerebu hanya akan diisytiharkan jika IPU mencecah paras 500 yang menyaksikan semua premis awam serta swasta termasuk kilang, ladang, kawasan pembinaan dan kuari perlu ditutup.

Arahan penutupan itu bagaimanapun tidak termasuk perkhidmatan air, elektrik, keselamatan, komunikasi, pelabuhan, pengangkutan, kewangan serta pembekal bahan bakar.

Bagi paras IPU sangat tidak sihat melebihi 200 setakat bacaan pada jam 8 malam tadi, lokasi terbabit ialah Sri Manjung, Perak (227); Nilai, Negeri Sembilan (206); Kuching, Sarawak (214) dan Johan Setia, Klang, Selangor (230).

Di Mukah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan

tidak teragak-agak untuk mengisytiharkan darurat bencana sekiranya IPU melebihi tahap 500, iaitu keadaan yang sangat bahaya.

Ketika ini, katanya, kerajaan sedang meningkatkan kesiapsiagaan dalam menangani masalah jerebu yang semakin teruk melanda negara dengan pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan kesedaran rakyat supaya tidak melakukan pembakaran terbuka.

Mengenai kebakaran di Indonesia, beliau berkata, berdasarkan maklumat Laporan Terkini Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) negara itu sehingga 14 September lalu, seluas 328,724 hektar kawasan telah terjejas dengan bencana berkenaan di seluruh Indonesia.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Sayangi Komoditiku Zon Sarawak di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Mukah, semalam.

"Indonesia juga telah meningkatkan pemantauan terhadap tompok panas, jarak ketampakan, kualiti udara dan kewujudan asap di samping melakukan Operasi Pembenhian Awan (OPA), pengeboman udara dan juga pemadaman api di darat," katanya.

Darurat bencana jerebu pernah tiga kali diisytiharkan, pertama pada 19 September 1997 di Sarawak apabila bacaan IPU melebihi 600, diikuti Kuala Selangor dan Pelabuhan Klang pada 11 Ogos 2005 ketika IPU melebihi 500 dan terakhir di Muar dan Ledang, Johor pada 23 Jun 2013 apabila IPU melebihi 500.

Sementara itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam satu kenyataan semalam, berkata OPA di Sarawak hanya dapat dilakukan esok atau hari selepasnya disebabkan keadaan atmosfera, cuaca dan awan.

Katanya, operasi berkenaan diselenggarakan agensi itu bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).



BH TV